

DEWAN

BAHASA

ديوان بهاس

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA



Meredah Samudera Pemartabatan Bahasa

JULAI

2016

| | |
|----------------------|-----------|
| Semenanjung Malaysia | : RM6.50 |
| Sabah/Sarawak | : RM7.00 |
| Brunei Darussalam | : B\$6.50 |
| Singapura | : S\$6.50 |

KK 499-91316 0716
ISSN 1511-9092



9 771511 909069



DBP

<http://dwnbahasa.dbp.gov.my>

Kandungan

Dewan Bahasa Jilid 16 • JULAI 2016/1437H • KK499-91316-0716

PUISI BAHASA

Matahari Bahasa Melayu
- *Daeng Ramliakil* **2**

.....

BICARA BAHASA

Meluhurkan Warisan Leluhur
- *Mohidin Haji Malek* **3**

AGENDA BAHASA

60 Tahun DBP
Meredah Samudera
Pemartabatan Bahasa dan
Persuratan Melayu di Malaysia
- *Azizul Haji Ismail*
- *Vijayaletchumy A/P*
Subramaniam **4**

Kepimpinan Bahasa
- *Nur Qurratu Ain* **8**

Kosa Kata Shahnnon Ahmad
dalam *Ranjau*
Sepanjang Jalan
- *S. Nathesan* **12**

Asmah, Collins,
dan Dialek Melayu
(Bahagian 2)
- *Mohd Tarmizi Hasrah* **16**

DUNIA BAHASA

Fenomena Berbahasa
Seenak Menikmati Rojak
- *Mohamad Suhaizi Suhaimi* **22**

"Asing" di Pusat Pengajian
Tinggi Malaysia
- *Hasan Baseri Budiman* **26**



IKTIBAR BAHASA

Orientasi Baharu Kajian
Timur di Czech
- *Awang Azman Awang Pawi* **30**



PENTERJEMAHAN

Penterjemahan Merungkai
Makna Pelancongan
- *Wan Haslizawati Wan Mahmood* **36**

.....

WACANA JAWI

Alif Pembeza Dua
Perkataan
- *Munsiyi Jawi* **40**

.....

PUSTAKA BAHASA

Teori Asas Nahu
- *Nazri Mohamed Salleh* **42**



PEDOMAN KARYA

Buat Duit dan Buat Nama
dengan Menulis
- *Jeniri Amir* **44**

.....

DARIHAL BAHASA

Tulisan Jawi: Khazanah
Warisan Melayu
- *Mohd Hazreen Shah Hassan* **49**

PERISTIWA BAHASA

FPM 2016:
Memartabatkan Budaya
Ilmu
- *Nadiah Rokhaizam* **53**

Bahasa dan Sastera:
Tertindas dan Ditindas?
- *ASMYB* **56**

BUAL BAHASA

Lestari Bahasa dalam
Sains dan Teknologi
- *Prof. Dr. Siti Kartom Kamaruddin* **58**



PETIKAN BAHASA **64**

Apabila anda mengirimkan sebarang tulisan, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun bank. Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada *Dewan Bahasa* juga dihantar kepada penerbit lain. Sila alamatkan tulisan anda kepada:

Editor *Dewan Bahasa*,
Bahagian Majalah,
Aras 20, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10804, 60926 Kuala Lumpur.



Fenomena
Berbahasa Seenak
Menikmati
Rojak

Bahasa rojak merujuk bahasa bercampur aduk yang digunakan dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Selain itu, bahasa rojak, atau dalam bidang bahasa lebih dikenali sebagai percampuran kod (*code-switching*), membawa maksud penggunaan berbagai-bagai unit linguistik, seperti imbuhan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat dan memerlukan minimum dua bahasa yang peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat (Bokamba, 1988: 24). Dalam majlis perasmian Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2012, mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia pada ketika itu berkata, "penggunaan bahasa rojak akan beransur-ansur menghakiskan kekuatan sesuatu bahasa" dan seharusnya kenyataan mantan pemimpin nombor dua negara itu tidak dipandang remeh. Penggunaan bahasa rojak sudah semakin sebatan dan menjadi barah, bahkan bagai api di dalam sekam yang membakar secara senyap sehingga merosakkan kekuatan


bahasa Melayu itu sendiri. Justeru, pelbagai kesan yang lazimnya negatif akibat penggunaan bahasa rojak tersebut.

Cabaran dan perkara negatif yang berkait rapat dengan bahasa rojak ini ialah pencemaran bahasa rasmi negara dan juga kelemahan jati diri warganegara itu sendiri. Umum mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan harus digunakan dengan betul dan tepat. Namun begitu, terdapat penutur yang mencampuradukkan satu bahasa dengan bahasa yang lain, terutamanya semasa proses komunikasi berlangsung. Hal ini turut diakui oleh Asmah (1982), yang menyatakan bahawa fenomena penukaran kod ini sering berlaku kepada masyarakat yang bertutur dalam dua bahasa. Sebagai contoh, masyarakat Melayu memiliki bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu, dan turut menerima pendidikan formal tentang bahasa Inggeris sejak kecil lagi. Secara tidak langsung, penutur mampu menguasai kedua-dua bahasa secara serentak dan fenomena penukaran kod ini mudah untuk berlaku, sama ada

dalam keadaan sedar ataupun tidak. Hal tersebut merupakan perkara yang tidak baik, terutamanya untuk membentuk penggunaan bahasa negara yang lebih murni dan bertenaga. Sebagai warganegara, kita haruslah lebih peka akan isu ini dan berusaha untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan tidak bercampur aduk.

Selain itu, status linguistik bahasa Melayu boleh mengalami perubahan apabila penuliran bahasa rojak ini semakin membimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana status linguistik bagi bahasa Melayu adalah fonemik berbanding bahasa Inggeris. Dalam erti kata lain, sebutan dalam bahasa Melayu memiliki bunyi yang konsisten dan mudah untuk disebut oleh penutur natif ataupun bukan penutur natif. Namun, apabila sebutan linguistik bahasa Melayu mengikut sebutan bahasa Inggeris seperti 'generasi' menjadi 'jenerasi', status linguistik bahasa Melayu boleh bertukar kepada tidak fonemik. Justeru, apabila sebutan bahasa Melayu yang tidak tepat digunakan akibat pengaruh

• • • • •
Selain itu, status linguistik bahasa Melayu boleh mengalami perubahan apabila penuliran bahasa rojak ini semakin membimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, status linguistik bagi bahasa Melayu adalah fonemik berbanding bahasa Inggeris. Dalam erti kata lain, sebutan dalam bahasa Melayu memiliki bunyi yang konsisten dan mudah untuk disebut oleh penutur natif ataupun bukan penutur natif.



Bukanlah hendak disalahkan kemajuan yang ada, namun sekiranya jati diri warganegara itu sendiri yang lemah, aplikasi laman sosial itu menambah “perisa” dalam penuliran bahasa rojak.

bahasa rojak tersebut berlaku, jelas mencerminkan bahawa bahasa Melayu tidak murni pada kaca mata penutur lain. Kekuatan fakta yang disampaikan dengan bahasa yang lemah dan bercampur dengan bahasa asing akan mudah dipertikaikan oleh penutur bahasa yang lain. Oleh hal yang demikian, penutur sesebuah bahasa itu harus membaiki tahap penguasaan bahasa yang dituturkan agar jati diri kebangsaan dapat diwujudkan dalam setiap individu yang menggunakan bahasa tersebut.

Sudah menjadi tradisi apabila kelompok manusia yang sedikit akan mengikuti kelompok yang lebih ramai. Begitu juga dalam isu bahasa rojak ini. Hal ini lebih dikenali sebagai ‘budaya nasional’

dan berlaku apabila sesuatu yang salah dianggap betul dan biasa sekiranya dilakukan dalam kelompok yang minoriti. Justeru, penukaran kod ini sudah menjadi budaya yang tanpa disedari telah merosakkan identiti sesebuah bahasa negara, sedangkan bahasa Melayu itu tinggi martabatnya dalam negara ini. Antara sebab berlakunya gejala ini termasuklah penutur kurang mahir dengan kosa kata asing yang digunakan dan kata pinjaman yang berasal daripada bahasa lain untuk menerangkan sesuatu konsep atau objek yang tidak terdapat dalam bahasa tersebut (Holmes, 1992). Oleh hal yang demikian, penutur akan lebih cenderung menggunakan bahasa rojak untuk memberikan gambaran yang

jelas tentang sesuatu perkara dan turut diikuti oleh penutur yang lain. Fenomena ini diburukkan lagi dengan kewujudan pelbagai aplikasi komunikasi dan laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*. Bukanlah hendak disalahkan kemajuan yang ada, namun sekiranya jati diri warganegara itu sendiri yang lemah, aplikasi laman sosial itu menambah “perisa” dalam penuliran bahasa rojak. Oleh sebab komunikasi tersebut berlangsung dalam bentuk tulisan, maka penggunaan bahasa tulisan jelas memaparkan hakikat dan realiti gejala linguistik yang sedang berlaku dalam kalangan komuniti penutur yang terbabit.

Menurut Teo Kok Keong (2009: 100), fenomena bahasa

rojak dalam kalangan masyarakat merupakan satu kes kehilangan bahasa. Beliau mendapati bahawa kebobrokan gejala ini tidak hanya berlaku pada tahap individu lagi, bahkan sudah menular hingga pada tahap masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana purata masyarakat Malaysia tidak lagi fasih menggunakan bahasa ibunda, baik secara lisan, mahupun tulisan. Menurut beliau lagi, terdapat empat bentuk bahasa rojak. Bentuk pertama ialah "penukaran kod tempelan", iaitu campur aduk bahasa Melayu-Inggeris walaupun hanya melibatkan penggunaan sepatah perkataan bahasa Inggeris dalam ungkapan yang hampir keseluruhannya diucapkan dalam bahasa Melayu seperti, "Ok, jom kita pegi makan". Walaupun hanya sepatah perkataan bahasa Inggeris yang diselitkan dalam ayat bahasa Melayu, maka ayat tersebut telah menggunakan dua bahasa. Bentuk kedua dikenali sebagai "penukaran kod dalam ayat". Bentuk ini berlaku apabila terjadinya penggiliran bahasa daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain dalam satu ayat, misalnya, "Para hadirin diminta *switch off* telefon bimbit". Bentuk ketiga pula dikenali sebagai "penukaran kod di antara ayat" iaitu penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain di antara ayat, contohnya, "Saya berada di sini sudah empat jam. *So I can conclude your attitude as well.*" Seterusnya, bentuk yang terakhir ialah "penukaran kod dalam perkataan". Bentuk ini memperlihatkan penggunaan bahasa lain dalam sesuatu bahasa. Contohnya, penggunaan bahasa Inggeris dalam pembentukan perkataan bahasa Melayu

Gejala percampuran bahasa bukanlah satu amalan yang perlu dibanggakan, bahkan amalan ini menunjukkan kelemahan sesuatu bangsa itu sendiri. Mereka yang menukar-nukar dan mencampurkan bahasanya boleh disimpulkan sebagai kurang mahir menggunakan kedua-dua bahasa yang dimiliki.

seperti "forwardkan", "terdelete" dan sebagainya. Dalam contoh tersebut, walaupun perkataan "kan" dan "ter" merupakan partikel bahasa Melayu, namun perkataan tersebut tetap mengandungi ciri morfologi bahasa Melayu yang jelas sekali menyalahi hukum bahasa andai pembentukannya dicampurkan dengan morfologi bahasa lain. Walaupun kedengaran agak pelik, namun pengasimiliasian antara dua struktur bahasa sebegini sering berlaku dalam konteks penggunaan bahasa Melayu.

Gejala percampuran bahasa bukanlah satu amalan yang perlu dibanggakan, bahkan amalan ini menunjukkan kelemahan sesuatu bangsa itu sendiri. Mereka yang menukar-nukar dan mencampurkan bahasanya boleh disimpulkan sebagai kurang

mahir menggunakan kedua-dua bahasa yang dimiliki. Selain itu, sikap ini memperlihatkan konflik jati diri sebagai warganegara Malaysia. Hakikatnya, kepentingan bahasa Inggeris tidak dinafikan dalam konteks negara maju, namun dalam masa yang sama, kepentingan dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, sekali gus bahasa rasmi negara juga harus dijaga. Penggunaan bahasa rojak bagi etnik Melayu merupakan perbuatan yang tidak wajar sama sekali kerana tidak seperti etnik lain, orang Melayu tidak mempunyai keperluan untuk menegaskan jati diri etniknya. Maka, penggunaan dan pengamalan bahasa Inggeris yang berlebih-lebihan dan diselitkan secara sengaja dalam komunikasi harian ialah perkara yang tidak relevan, khususnya dalam konteks orang Melayu sendiri.

Sehubungan dengan itu, perasaan rendah diri terhadap bahasa sendiri merupakan pendorong kepada penggunaan bahasa asing. Namun, konteks "rendah diri" ini tidak relevan dalam bahasa Melayu kerana bahasa Melayu bukanlah bahasa yang mundur. Bahkan, bahasa Melayu kini terbukti mampu mengungkapkan semua istilah ilmu yang setaraf dengan bahasa ilmu dunia. Jadi, persoalan rendah diri ini bukanlah berpunca daripada kemunduran bahasa Melayu, melainkan berpunca daripada faktor dalaman pengguna bahasa Melayu sendiri yang tidak yakin akan kemampuan bahasa Melayu. Bahasa memerlukan penutur, maka lemah atau majunya bahasa bukanlah ditentukan oleh keadaan luaran sesuatu bahasa, bahkan ditentukan oleh faktor dalaman penutur bahasa itu sendiri. DB